

27 SEP 2002

NIK AZIZ BERSEDIA MOHON MAAF KEPADA DR MAHATHIR

KOTA BAHARU, 27 Sept (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat bersedia memohon maaf secara terbuka kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana tersalah cakap apabila mengatakan Perdana Menteri tidak tahu membaca Al-Quran.

Katanya beliau akan membuat permohonan maaf itu dalam ceramahnya akan datang dan berharap pihak media dapat menyiarkannya.

"Saya (Nik Aziz) buat tu (tersalah cakap) dalam ceramah dan saya minta maaf pun dalam ceramah jugalah," katanya kepada pemberita selepas majlis solat hajat dan diikuti solat Subuh beramai-ramai di Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan, Pengkalan Chepa di sini hari ini.

Nik Aziz mengulas permintaan beberapa pihak termasuk Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam, supaya beliau memohon maaf kepada Perdana Menteri selepas mengaku tersalah cakap mengenai perkara itu.

Rabu lepas, Nik Aziz dilaporkan berkata apa yang sebenarnya ingin dikatakan beliau ialah Dr Mahathir tidak tahu berbahasa Arab.

-- BERNAMA

BD RON